

Metode Dakwah Menerusi Wacana Fiqh Ibadat dalam Tafsir al-Azhar *Method of Da'wah on Fiqh Ibadah Discourse in Tafsir al-Azhar*

Muhammad Yusry Affandy Md Isa

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
(yusry_affandy@usim.edu.my)

Abstrak

Menerusi karya *Tafsir al-Azhar*, Hamka telah berdakwah kepada masyarakat Nusantara supaya berpegang kepada Islam dan hukum syariat. Kajian kualitatif ini bertujuan untuk menganalisis metode dakwah yang terkandung dalam *Tafsir al-Azhar* menerusi wacana fiqh ibadat. Pengkajian mengenai metode dakwah dilakukan penulis bagi mendapatkan pemikiran dakwah dalam pentafsiran ayat-ayat fiqh ibadat yang merupakan tuntutan asasi kepada setiap muslim. Kajian ini mengaplikasikan kaedah deduktif bagi mendapatkan fakta-fakta fiqh ibadat di dalam *Tafsir al-Azhar* dan kaedah deskriptif bagi menghuraikan bentuk-bentuk dakwah dan penekanan fiqh ibadat. Setiap fakta dianalisis berdasarkan penggunaan bahasa, penggunaan dalil, susunan dan objektif pentafsiran Hamka dalam wacana fiqh ibadat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dakwah Hamka bersesuaian dengan pendekatan Islam dan berorientasikan memudahkan kefahaman umum masyarakat Nusantara. Elemen tafsir dakwah Hamka seperti nasihat, pujukan dan penegasan berhikmah adalah antara ciri istimewa yang memantapkan pentafsiran fiqh ibadat dalam *Tafsir al-Azhar*. Metode dakwah beliau merupakan legasi berharga buat *mufassir* tempatan dalam memperkasa dakwah menerusi pentafsiran atau penulisan.

Kata kunci: *Tafsir al-Azhar, metode dakwah, Hamka, fiqh, ibadat*

Abstract

Through the greatest works of *Tafsir al-Azhar*, Hamka preached to the Nusantara's (archipelago's) people to stick to Islam and shariah law. This qualitative study aims to analyze the da'wah methods contained in the *Tafsir al-Azhar* through the fiqh ibadah discourse. The writer applied research on methods of da'wah aiming for da'wah thinking in interpreting the verses related to fiqh ibadah which is the fundamental claim to every Muslim. This study applies the deductive method in order to get the facts of fiqh ibadah in *Tafsir al-Azhar* and the descriptive method to describe forms of da'wah and focused on fiqh ibadah. Each fact has been analyzed based on the use of language, dalil, the composition and objective of Hamka's interpretation in fiqh ibadah discourse. The findings indicate that the style of Hamka's da'wah compatible with Islam and convenient approach to facilitate the understanding of archipelago's people. The elements of Hamka's da'wah interpretation such as advice, persuasive and wise judgment are the special features that enhance the interpretation of fiqh ibadah in *Tafsir al-Azhar*. His method of da'wah is a valuable legacy for local commentators in empowering da'wah through interpretations or writings.

Keywords: *Tafsir al-Azhar, interpretations, da'wah methods, Hamka, fiqh, ibadah*

Pendahuluan

Tafsir al-Azhar merupakan himpunan khazanah ilmu terunggul yang dihasilkan Hamka. Tidak dinafikan Hamka atau nama sebenarnya Haji Abdul Malik bin Karim Amrullah (1908-1981) adalah seorang tokoh cendekiawan dan *mufassir* yang banyak

menyumbang bakti dalam perkembangan ilmu Islam di Nusantara. Terbukti jasanya mendapat perhatian apabila Hamka dianugerahkan Doktor Kehormat Persuratan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 8 Jun 1974, gelaran Datuk Indono dan Pangeran Wirogun daripada kerajaan Indonesia dan penganugerahan luar negara, iaitu Doktor Honoris Causa daripada Universiti al-Azhar pada tahun 1958.¹

Berdasarkan daripada keterangan di atas, jelaslah bahawa Hamka adalah seorang insan yang benar-benar bertaraf ulama yang tidak dapat dipertikaikan.²

Hamka meninggalkan khazanah ilmu yang terdiri dari tiga kategori penulisan iaitu dalam bidang agama, sastera dan penulisan ilmiah.³ Menurut penelitian Prof. Dr. Mohammad Redzuan Othman, Hamka telah menghasilkan sebanyak 118 buah buku daripada pelbagai disiplin ilmu⁴. Dalam bidang agama, karya terbesar yang dihasilkan ialah *Tafsir al-Azhar*. Hamka berjaya mentafsirkan setiap ayat al-Quran berasaskan pelbagai disiplin ilmu dan metodologi tersendiri termasuklah mengaplikasikan dakwah yang menarik. Termuat di dalam pentafsirannya elemen-elemen dakwah warisan para anbiya dan ulama untuk mengamit ummah menegakkan kehendak-kehendak Ilahi. Tafsir dakwah Hamka dalam wacana pentafsiran ayat fiqh ibadat adalah sesuatu menarik kerana terisi di dalamnya seruan dakwah yang bersungguh-sungguh dalam menyeru ummah melaksanakan tuntutan syariat.

Dakwah dan Wacana Fiqh Ibadat

Perkataan dakwah berasal daripada kalimah *da'a, yad'u, da'wah* yang bererti *seruan*.⁵ Seruan yang dimaksudkan ialah seruan ke arah Islam dan segenap aspek yang ditekankan dalam ajaran Islam. Amanah dakwah telah dipikul oleh seluruh para rasul dan terus dipusakai generasi terkemudian dari kalangan umat Nabi Muhammad SAW.⁶ Dakwah Islamiyyah yang disampaikan oleh para rasul perlu diteruskan ummah dengan mensasarkan beberapa aspek berikut⁷:

- i) menyeru manusia mentauhidkan Allah SWT.
- ii) mengesa ummah beramal dengan Islam secara sempurna.
- iii) memastikan agama Allah SWT tertegak di

atas muka bumi.

- iv) memimpin manusia beribadah kepada pencipta yang sebenar.
- v) menyuburkan nilai kebaikan dan menyanggah sebarang bentuk kemunggaran.

Hamka berkesempatan memuatkan dua tajuk perbincangan khusus mengenai dakwah di dalam *Tafsir al-Azhar*. Beliau memulakan pentafsiran ayat 4 surah *Ali 'Imran* dengan tajuk "*Kepentingan Dakwah*." Hamka mengertikan dakwah seperti berikut:

*Menyampaikan ajakan kepada yang ma'ruf dan menjauhi yang munkar itulah yang dinamakan dakwah.*⁸

Menerusi tajuk kedua berkaitan dakwah secara khusus; "*Peralatan Dakwah*", Hamka telah menjelaskan ilmu-ilmu seperti ilmu al-Quran, ilmu al-Sunnah, ilmu geografi, ilmu jiwa, ilmu akhlak, ilmu sosiologi, ilmu politik, ilmu bahasa, ilmu perbandingan agama, ilmu kebudayaan dan kesenian yang perlu dimiliki dan disediakan yang perlu dilakukan oleh seseorang pendakwah. Beliau memberi ingatan:

*Bagaimana seorang ahli dakwah akan jaya, kalau dia sendiri tidak dapat memberi penilaian atas baik dan buruk atau ma'ruf dan munkar dalam masyarakat yang bersimpang siur ini? Bagaimana melangsungkan da'wah kalau keadaan ummah yang didakwahi itu tidak diketahui keadaanya.*⁹

Hamka selaku ulama berpengaruh Nusantara telah meninggalkan dakwah terbesar menerusi *Tafsir al-Azhar*. Karya-karya beliau berisi dakwah yang bernas dan berdiri atas dalil yang teguh terutama dalam hal pentafsiran atau perbincangan ayat-ayat al-Quran. Menurut Abdul Raof, pentafsiran beliau

Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 63.

² Wahba dan Hafiz Hamzah. (2007). *Ulama Membina Tamadun Manusia*. Shah Alam: Pustaka Dini. hlm. 129.

³ Ahmad Nuruddin. (2002). *Metodologi Hamka Dalam Pentafsiran al-Quran: Tumpuan Kajian Kepada Surah al-Azhar*. Kuala Lumpur: Latihan ilmiah Sarjana Muda Pengajian Usuluddin. Universiti Malaya. hlm. 317-319.

⁴ Mohammad Redzuan Othman, Prof. Madya Dr. (2008). *Sumbangan Hamka Dalam Penulisan*

Sejarah Melayu di Alam Melayu, Pemikiran Hamka. Ed. Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 115.

⁵ Ibn Manzur. (2003). *Lisan al-'Arab*. Qahirah: Dar al-Hadith. j.3. hlm. 329.

⁶ al-Qaradhawi, Yusuf. (1996). *Thaqafah al-Da'iyah*. Qahirah: Maktabah Wahbah. hlm. 3.

⁷ 'Abd al-Karim Zaidan. (2001). *Usul al-Da'wah*. Lubnan-Beirut: Muassasah al-Risalah. hlm. 308-309.

⁸ Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Indonesia: Pustaka Panjimas.

⁹ Ibid. j.4. hlm. 41-42.

berkaitan ayat persoalan ibadat amat menonjolkan huraian tentang hikmah penyariatannya.¹⁰

Dakwah Hamka dalam wacana syariat dapat dilihat terlebih dahulu menerusi wacana fiqh ibadat. Fiqh ibadat merupakan sebahagian pentafsiran yang menjadi tumpuannya. Dalam pentafsiran *Tafsir al-Azhar*, Hamka menekankan beberapa contoh fiqh ibadat yang perlu dilaksanakan:

*Maka dapatlah kita jadikan seluruh hidup kita ini ibadah kepada Allah; sembahyang lima waktu, puasa bulan Ramadhan, berzakat kepada fakir miskin adalah bahagian kecil sebagai pematri dari seluruh ibadat yang umum itu.*¹¹

*...Kalaulah tidak beribadat kepada Allah apalah arti hidup itu.*¹²

Menerusi pentafsiran ayat 56 *Surah al-Dhariyat*, beliau telah mengulas:

*Maka datanglah tambah ayat 56 ini bahawasanya Allah menciptakan jin dan manusia tidak ada guna yang lain melainkan buat mengabdikan diri kepada Allah. Jika seorang telah mengaku beriman kepada tuhan, tidaklah dia akan mahu jika hidupnya di dunia ini kosong sahaja. Dia tidak boleh menganggur. Selama nyawa dikandung badan, manusia harus ingat bahawa tempohnya tidak boleh kosong dari pengabdian. Seluruh hidup hendaklah dijadikan ibadat.*¹³

Beliau berdakwah melalui pentafsiran fiqh ibadat bahawa ibadat adalah satu tugas khas jin dan manusia untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.. Ibadat perlu dilaksanakan dengan perasaan selaku hamba dan sentiasa tunduk kepada kehendak-Nya.¹⁴ Hamka juga menekankan wahyu berkaitan ibadat dan pemahaman pelaksanaan ibadat atau fiqh ibadat di dalam karya lain seperti tajuk "*Ibadat dan Hubungannya Dengan Jiwa*" di dalam buku *Iman dan Amal*. Beliau menekankan bahawa ibadat yang dikerjakan dengan penuh keinsafan dan kesedaran akan dapat

menghindarkan bahaya-bahaya penyakit jiwa dan badan.¹⁵ Hamka menyebut ibadat secara khusus iaitu solat, zakat, puasa dan haji di dalam buku *Dari Lembah Cita-Cita*. Penulisannya jelas mementingkan kefahaman dalam menjalankan ibadat teras dan kaifiat ibadat atau fiqh ibadat secara sempurna.¹⁶

Hamka telah berdakwah menerusi keseluruhan *Tafsir al-Azhar* dengan mengaplikasikan pelbagai ilmu dan seruan kebaikan terutama dalam wacana fiqh ibadat. Keberkesanan dakwah dalam wacana berkenaan akan menatijahkan ummah yang memahami pelbagai tafsiran hukum dan membantu individu muslim dalam menunaikan tanggungjawab fardhu ain.

Metode Dakwah dalam Pentafsiran Ayat Fiqh Ibadat

Setiap *mufassir* memuatkan dakwah tersendiri dalam pentafsiran al-Quran supaya kehendak wahyu dapat menarik perhatian para pembaca mahupun pendengar. Hamka tidak ketinggalan dalam hal ini terutama dalam pentafsiran berhubung ayat fiqh ibadat. Ayat-ayat yang mengandungi hukum dan keterangan fiqh ibadat telah disampaikan dengan metode dakwah tersendiri. Metode dakwah yang disampaikan ialah seperti:

Mengertikan Ayat dan Kalimah

Hamka memulakan setiap pentafsiran dengan menterjemah terlebih dahulu maksud ayat-ayat al-Quran. Pendekatan ini berlandaskan bahasa Melayu yang dapat difahami seluruh pembaca dari rantau Nusantara. Penggunaan bahasa yang dapat difahami pembaca merupakan elemen dakwah paling mustahak. Apabila pentafsiran berlangsung, Hamka mendahului memberi pengertian nama sesebuah surah atau tema yang terkandung dalam sesebuah ayat. Sebagai contoh, beliau mengertikan *Surah al-Fatihah* sebagai "*surah pembukaan*".¹⁷ Dalam pentafsiran ayat 43 *Surah al-Baqarah*, beliau mengertikan *ruku'* yang disebut dalam ayat berkenaan sebagai *khusyu'*.¹⁸ Dalam pentafsiran ayat berhubung fiqh puasa, Hamka menampilkan terlebih dahulu pengertian *siyam* bagi mengamit perhatian pembaca memahami kalimah yang dinyatakan al-

¹⁰ Abdul Rouf. (2012). *Dimensi Tasawuf Karya Hamka: Analisis Terhadap Tafsir al-Azhar*. Kuala Lumpur: Tesis doktor falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. hlm. 263.

¹¹ Hamka. (1982). op. cit. j.27. hlm. 38.

¹² Ibid.

¹³ Ibid. j.27. hlm. 37.

¹⁴ Ibid. j.,27. hlm. 38.

¹⁵ Hamka. (1999). *Iman dan Amal*. Selangor: Pustaka Dini. hlm. 87-93.

¹⁶ Hamka. (2008). *Dari Lembah Cita-Cita*. Selangor: Pustaka Dini. hlm. 19.

¹⁷ Ibid. j.1. hlm. 67

¹⁸ Ibid. j.1. hlm. 190

Quran.¹⁹ Begitu juga dalam pentafsiran fiqh zakat pada ayat 83 *Surah al-Baqarah*, beliau mengertikan zakat sebagai pembersihan.²⁰

Mengemukakan Ayat Soalan

Pada asasnya pentafsiran ayat fiqh ibadat memerlukan penjelasan hukum dan penghuraian fiqh pelaksanaannya. Hamka memasukkan metode dakwah dalam bentuk menyoal pembaca untuk menarik perhatian sama ada mengambil berat atau meringankan hukum fiqh yang berada dalam landasan syariat. Sebagai contoh:

*Kemudian mengapa disuruh lagi rukuk bersama dengan orang yang rukuk? Tidakkah cukup dengan perintah sembahyang saja? Apakah ini bukan kata yang berulang?*²¹

Dalam pentafsiran fiqh puasa berhubung dengan tempoh puasa bagi umat Islam yang berada di Kutub Utara dan Kutub Selatan, Hamka menjelaskan dengan disertakan soalan:

*Di sana orang masih memakai kalender atau almanak, sebab itu orang Islam yang berdiam di sana, asal beriman, masih dapat menyaksikan bahwa bulan Ramadhan telah masuk. Dia wajib puasa. Bagaimana puasanya? Berijtihadlah dengan baik.*²²

Dalam pentafsiran ayat fiqh solat dan zakat pada ayat 110 *Surah al-Baqarah*, Hamka menyelitkan unsur dakwah dengan soalan berbentuk sirah. Beliau menyoal:

*Kekuasaan siapa yang menghambat mata mereka, sehingga mereka tidak merungkukkan kepala di pintu gua, sehingga mereka tidak melihat Rasul dan sahabatnya Abu Bakar yang tengah sembunyi, sedang Rasul dan Abu Bakar melihat kaki-kaki mereka sehingga lutut?*²³

Seruan dan Nasihat Yang Menyeluruh

Hamka bersungguh-sungguh berdakwah mengajak pembaca untuk melaksana arahan wahyu atau meninggal perkara yang bertentangan dengan syariat. Walaupun pentafsiran ayat fiqh sudah memadai

dengan penjelasan hukum dan keterangan fiqh, tetapi Hamka masih memperteguh elemen dakwah terpenting iaitu seruan dan nasihat. Dalam pentafsiran ayat fiqh zakat, beliau mengemukakan seruan dengan kalimah “hendaklah”, “tegurlah”, dan “dirikanlah” sebelum menyeru kewajipan zakat dengan kalimah “keluarkanlah”. Beliau menyebut:

*Hendaklah menanam jasa kepada sesama manusia, memberi nasihat dan pengajaran; amar ma'ruf nahi munkar. Menyuruh berbuat baik, melarang berbuat munkar, menegur mana yang salah. Kalau sudah nampak perbuatan yang salah jangan didiamkan saja, tetapi tegurlah dengan pantas. Yang berpengalaman hendaklah mengajar yang bodoh. Yang kurang ilmu hendaklah menuntut kepada yang pandai. Sehingga bersama-sama mencapai masyarakat yang lebih baik. Dan dirikanlah sembahyang. Untuk merapatkan hubungan dengan tuhan Allah yang disembah itu sebab sembahyang adalah ibadat. Sembahyang adalah satu usaha mematuhi diri mendekati tuhan dan dengan sebab sembahyang maka segala janji-janji yang tersebut tadi dapatlah dipegang teguh: dan keluarkanlah zakat.*²⁴

Begitu juga dalam pentafsiran fiqh haji yang terkandung pada ayat 187 *Surah al-Baqarah*, Hamka menggunakan kalimah “hendaklah” untuk menyuruh umat Islam meninggalkan perkara di luar batasan akhlak ketika menunaikan manasik haji. Beliau menulis:

*Berdebat, apatah lagi yang akan membawa berkelahi, semuanya itu dilarang di dalam haji. Oleh sebab di ujung ayat yang telah lalu sudah dikatakan bahawa maksud utama ialah membangun rasa takwa dalam jiwa, maka sudah dimaklumi bahawa segala yang akan menghilangkan khusyu' atau prihatin hendaklah dijauhi sangat pada waktu haji itu.*²⁵

Hamka juga menggunakan perkataan “tidaklah layak” sebagai gantian kalimah “tidak boleh” dalam usaha menasihati jemaah haji yang cenderung melakukan perkara yang merosakkan pahala haji. Perkataan ini juga merupakan perkataan didikan dalam mentarbiyah suami isteri yang

¹⁹ Ibid. j.2. hlm. 9

²⁰ Ibid. j.1. hlm. 241

²¹ Ibid. j.1. hlm. 186

²² Ibid. j.2. hlm. 98

²³ Ibid. j.1. hlm. 274

²⁴ Ibid. j.1. hlm. 241

²⁵ Ibid. j.2. hlm. 135

merangkap jamaah haji agar menjauhi perkara syahwat. Beliau menulis:

*Tidaklah layak dalam majlis demikian mulianya kita masih saja bersenda-gurau dan bercanda apatah lagi bersetubuh dengan isteri.*²⁶

Ungkapan tegas Untuk larangan dan Suruhan

Hamka mengaplikasikan metode dakwah yang tegas dalam pentafsiran ayat fiqh ibadat supaya tuntutan ayat berkenaan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Kalimah “jangan”, “bukan,” “pergilah” dan “janganlah” yang diaplikasikannya adalah membawa mesej ketegasan yang tersendiri. Dalam pentafsiran *Surah al-Fatihah* yang berkaitan dengan fiqh penyempurnaan rukun solat, beliau menegaskan pada ayat 5 dengan ungkapan:

*Jangan kita campur-adukkan di antara isti'ana dengan mu'awanah.*²⁷

Pada pentafsiran ayat 43 *Surah al-Baqarah*, beliau banyak menggunakan ungkapan tegas dalam pernyataan ayat berikut:

Bukan! Ada juga orang yang berfaham bahawa asal aku sudah sembahyang sendiri di rumahku, tidak perlu lagi aku bercampur dengan orang lain.

Pergilah berjamaah!

*Jangan hanya sembahyang asal sembahyang,...*²⁸

Ungkapan “jangan” juga diaplikasikan pada pentafsiran fiqh zakat pada ayat 83 dan ayat 110 Surah al-Baqarah:

*Jangan bakhil.*²⁹

*Janganlah bakhil mu'min yang kaya, mengeluarkan harta membantu orang yang miskin.*³⁰

Kisah Tauladan, Sejarah dan Misalan karakter Manusia

Antara keistimewaan pentafsiran Hamka ialah memuatkan cerita tauladan dan sejarah. Meskipun pentafsiran melibatkan ayat fiqh ibadat, beliau bijak menyelitkan unsur-unsur berkenaan bagi menjayakan elemen dakwah.

Hamka memuatkan pelbagai kisah tauladan dalam pentafsiran *Surah al-Fatihah* seperti kisah Syekh Abdul Karim Amrullah yang memelihara seekor kucing, kisah dua ekor burung yang bergilir menjaga telur, kisah anjing yang setia kepada tuannya di Amerika dan kisah seorang ibu yang bersusah payah bersama suaminya membesarkan anak kecil. Hamka memuatkan kisah-kisah ini sebagai kaitan anugerah kasih sayang daripada Allah s.w.t.³¹ Terdapat kisah Rasulullah s.a.w. bersembunyi di Gua Thur yang dimuatkan dalam pentafsiran ayat fiqh solat dan zakat.³² (*Ibid.*,:1:274) Sejarah pembesaran Masjid al-Haram pada tahun 1961 dan 1958 pula telah dimuatkan dalam pentafsiran ayat fiqh haji.³³

Setiap individu manusia adalah sasaran dakwah dalam Islam. Hamka telah menyebut beberapa karektor yang dekat dengan anggota masyarakat dalam pentafsirannya. Karakter seperti ibu bapa, raja, guru dan doktor disentuh dalam pentafsiran ayat 5 *Surah al-Fatihah*. Beliau menyatakan:

Kita diperintahkan hormat kepada yang patut dihormati. Kita disuruh kasih kepada ibu bapa, setia kepada negara dan raja atau kepala negara dan kita diperintahkan supaya hormat kepada guru. Semuanya itu kita kerjakan karena Allah yang menyuruhkan. Tetapi kita tidak akan sampai beribadat kepada ayah bonda atau kepada negara dan raja dan kepada kepala negara atau kepada guru.

Setiap orang berusaha dan bekerja menurut bakatnya. Dokter menolong orang sakit, dan orang sakit datang meminta tolong dan diberi obat. Guru menolong muridnya dengan mengajarnya tulis dan baca dan ilmu yang lain. Semuanya itu jangan dicampur aduk

²⁶ Ibid. j.2. hlm. 136

²⁷ Ibid. j.1. hlm. 86

²⁸ Ibid. j.1. hlm. 189-190

²⁹ Ibid. j.1. hlm. 241

³⁰ Ibid. j.1. hlm. 274

³¹ Ibid. j.1. hlm. 81-82

³² Ibid. j.1. hlm. 274

³³ Ibid. j.2. hlm. 305

*dengan isti'anah, sebab itu semuanya adalah hubungan manusia sesama manusia.*³⁴

Apabila Hamka menyentuh karakter-karakter ini maka individu yang terlibat dalam profesion berkenaan akan 'tersentak' kerana terpilih menjadi sebahagian daripada ayat pentafsirannya. Justeru, mereka merupakan sebahagian daripada misalan yang penting dan secara tidak langsung menjadi sasaran dakwah menerusi pentafsiran ayat yang didatangkan Hamka.

Bidalan dan Kata-Kata Kesimpulan

Hamka menggunakan kata-kata "*arang habis besi binasa*" dalam pentafsiran ayat 5 *Surah al-Fatihah* untuk memahami pembaca tentang kepentingan memohon petunjuk Allah s.w.t. supaya segala urusan kehidupan tidak menjadi sia-sia.³⁵

Untuk menguatkan dakwah tentang aqidah yang menjadi paksi kepada syariat dan akhlak, Hamka telah menulis kalimah *Allah, Ar-Rahman, Tuhan, Satu, Dia, Ar-Rahim* dan *Rahmat* dengan huruf besar pada awal pentafsiran *Surah al-Fatihah*.³⁶ Ini menyebabkan pembaca akan memberi fokus kepada kalimah dan pengertiannya serta bakal terkesan dengan dakwah yang terkandung dalam pentafsiran.

Hamka kadang kala menutup pentafsiran ayat fiqh ibadat dengan mengungkapkan "*dengan demikian dapatlah kita simpulkan*" dan "*kesimpulannya*". Ungkapan ini amat bermanfaat kepada para pembaca untuk mengesan intipati terakhir pentafsiran yang dikemukakannya. Dalam ungkapan sebegini terangkum baki atau manifestasi dakwah yang ingin disampaikan kepada para pembaca. Contoh penggunaan ungkapan kesimpulan ialah pada pentafsiran ayat fiqh puasa:

*Dengan demikian dapatlah kita simpulkan bahwasanya puasa adalah syariat yang penting di dalam tiap-tiap agama, meskipun ada perubahan-perubahan hari atau bulan.*³⁷

Kesimpulannya, menurut pentafsir ini ialah bahawa perintah Rasul menyuruh melihat bulan untuk mulai atau menyudahi puasa, ialah supaya jelas benar bahwa Ramadhan masuk atau telah habis. Maka Rasul tidaklah melarang orang memakai alat yang lebih

*moden daripada hanya mata, yaitu alat perkakas hisab, untuk menyatakan jelas telah masuknya atau habisnya Ramadhan.*³⁸

Hamka juga menyampaikan dakwah menerusi kata-kata yang ditulis secara terasing di bahagian akhir perenggan sesuatu pentafsiran. Sebagai contoh dalam pentafsiran ayat fiqh haji:

Betapa tidak akan diampuni, karena bekas latihan puasa itu memang telah berkesan pada jiwanya. Ia lebih suka berbuat yang baik, dan selalu berusaha menjauhi yang dimurkai Allah.

Labbaika, Allahumma Labbaika!

*Ini HambaMu ya Allah, siap-sedia melaksanakan perintah!*³⁹

Maqasid Dakwah dalam Pentafsiran

Hamka menyampaikan *maqasid* dakwah dalam keseluruhan pentafsiran ayat fiqh ibadat sama ada dalam fiqh solat, puasa, zakat atau haji. Dalam pentafsiran berkenaan fiqh solat, beliau menegaskan bahawa pentafsiran *Surah al-Fatihah* tiada ertinya jika tidak diiringi dengan perbincangan syariat. Beliau kemudian mengulas bahawa solat tidak sah jika tidak dibaca *Surah al-Fatihah*. Daripada penulisan ini, beliau mahukan dakwah yang terhasil ialah para penunai solat tidak mengabaikan bacaan *Surah al-Fatihah* di dalam solat. Dalam pentafsiran ayat 43 *Surah al-Baqarah* berhubung fiqh solat, beliau mensasarkan *maqasid* dakwah agar solat tidak disia-siakan atau dikerjakan secara seorang diri, lalai dan tanpa khusyu'.

Hamka mentafsirkan kewajipan puasa dengan *maqasid* dakwah agar orang yang berpuasa mengambil faedah yang besar daripada pensyariatannya. Untuk tujuan ini, beliau berdakwah menyeru mensyukuri nikmat Allah dengan menunaikan puasa. Pada akhir pentafsiran ayat 185 *Surah al-Baqarah*, beliau mengungkapkan:

Tiap-tiap matahari telah terbenam, sehari engkau telah menang. Dan bila sebulan Ramadhan telah habis dan Syawal datang, engkau pun telah beroleh kejayaan hidup,

³⁴ Ibid. j.1. hlm. 86

³⁵ Ibid. j.1. hlm. 91

³⁶ Ibid. j.1. hlm. 75-77

³⁷ Ibid. j.2. hlm. 90

³⁸ Ibid. j.2. hlm. 109

³⁹ Ibid. j.2. hlm. 137

untuk bakal menghadapi tahun yang dihadapi.⁴⁰

Hamka begitu bertegas dengan golongan yang enggan menunaikan zakat dalam pentafsirannya. *Maqasid* dakwahnya ialah supaya perintah Allah s.w.t. dalam urusan ini dapat ditunaikan oleh golongan yang berkemampuan. Dakwah beliau kelihatan tegas pada pentafsiran ayat 83 *Surah al-Baqarah* dengan kenyataan “jangan bakhil” dan “zakat tidak dikeluarkan”.⁴¹ Pada pentafsiran ayat 110 *Surah al-Baqarah*, beliau makin bertegas sehingga menyatakan mukmin yang kaya jangan bersifat bakhil serta beliau mengulas panjang tentang bahana bakhil apabila berlaku pada seseorang yang berharta.⁴²

Dalam pentafsiran fiqh haji, beliau membicarakan *maqasid* ibadat terpenting dalam ibadat haji yang diwajibkan iaitu bagi mencapai takwa. Beliau menyatakan:

Oleh sebab yang dimaksudkan dengan ibadat ini ialah membangunkan hati yang takwa, hendaklah dikerjakan semua ibadat itu dengan khusyu'.⁴³

Maqasid dakwah dalam konteks pentafsiran fiqh haji ayat 196 *Surah al-Baqarah* ialah para *hujjaj* perlu memahami segala manasik haji adalah secara *ta'abbudi* (mematuhi dan terus beribadat) yang berlainan pelaksanaannya dengan ibadat yang lain. Justeru, beliau mengingatkan para *hujjaj* agar tidak mempertikai perihal manasik haji seperti melontar *jamrah*, *sa'i*, *tawaf* dan pakaian *ihram*.⁴⁴

Kesimpulan

Wacana pentafsiran atau perbincangan fiqh ibadat memerlukan sokongan metode dakwah supaya berupaya menarik minat para pembaca. Hamka berjaya menghasilkan *Tafsir al-Azhar* yang berpengaruh di Nusantara bertitik tolak hasil keupayaan beliau dalam mempelbagaikan elemen dakwah dan merencanakan pentafsiran dengan pelbagai rancam disiplin ilmu. Pentafsiran ayat fiqh ibadat yang berorientasikan perbincangan hukum hakam memerlukan mekanisme pentafsiran dan penulisan yang segar supaya kehendak ayat hukum terutama yang melibatkan hukum fardu ain seperti solat, puasa, zakat dan haji dapat menghampiri sanubari masyarakat awam. Bahasa dakwah beliau

bersifat mendekati *mad'u*. Beliau banyak menyebut perkataan “kita”, “saudara” dan “umat” takala menyampaikan pentafsiran. Dakwahnya ternyata bersungguh-sungguh agar pembaca yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat mengutamakan kewajipan syariat.

Metode dakwah Hamka seperti mengertikan ayat dan kalimah, ayat berbentuk soalan, seruan dan nasihat, ungkapan tegas untuk larangan dan suruhan, kisah tauladan, sejarah dan misalan karektor manusia, bidalan dan kata-kata kesimpulan adalah ciri istimewa yang memantapkan pentafsiran fiqh ibadat dalam *Tafsir al-Azhar*. *Maqasid* dakwah beliau paling utama yang dapat dirumuskan ialah menyeru supaya insan menghambakan diri kepada Allah s.w.t. dan beriltizam dengan syariat-Nya. Adalah diharapkan semoga keunikan metode dakwah beliau menjadi legasi berharga buat *mufasssir* tempatan dalam memperkasa dakwah terutama dalam pentafsiran atau penulisan berkaitan fiqh.

Rujukan

al-Qaradhawi, Yusuf. (1996). *Thaqafah al-da'iyah*. Qahirah: Maktabah Wahbah.

'Abd al-Karim Zaidan, (2001). *Usul al-da'wah*. Lubnan-Beirut: Muassasah al-Risalah.

Abdul Rouf. (2012). *Dimensi tasawuf karya Hamka: Analisis terhadap Tafsir al-Azhar*. Kuala Lumpur: Tesis doktor falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Ahmad Nuruddin. (2002). *Metodologi Hamka dalam pentafsiran al-Quran: Tumpuan kajian kepada Surah al-Ahzab*. Kuala Lumpur: Latihan ilmiah Sarjana Muda Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya.

Fadhlullah b. Jamil. (2008). *Tajdid dan islah mengikut pemikiran HAMKA*. Ed. Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamka. Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (2008). *Dari Lembah Cita-Cita*. Selangor: Pustaka Dini.

⁴⁰Ibid. j.2. hlm. 99

⁴¹Ibid. j.2. hlm. 241

⁴²Ibid. j.2. hlm. 274

⁴³Ibid. j.2. hlm. 135

⁴⁴Ibid.

Hamka. Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1999).
Dari Lembah Cita-Cita. Selangor: Pustaka
Dini.

Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1982).
Tafsir al-Azhar. Indonesia: Pustaka
Panjimas.

Ibn Manzur. (2003). *Lisan al-'Arab*. Qahirah:
Dar al-Hadith.

Mohammad Redzuan Othman, Dr. (2008). *Sumbangan
Hamka dalam penulisan sejarah Melayu di
alam Melayu. Pemikiran Hamka*. Suntingan
Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
dan Pustaka.

Wahba & Hafiz Hamzah. (2007). *Ulama membina
tamadun manusia*. Shah Alam: Pustaka
Dini.